



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat / kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerajaan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan berkaitan yang masih membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH & WAKTU TUTUP TAWARAN
1.	CADANGAN KERJA-KERJA MEROBOH BANGUNAN MEDAN SELERA TANJUNG DAN KERJA BERKAITAN, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU (MBKT SH38/2025)	1) Berdaftar dengan CIDB Gred : G2	17/04/2025 (KHAMIS) 10.00 Pagi Tingkat 6, Menara MBKT (DIWAJIBKAN)	RM30.00	29 APRIL 2025 (SELASA) * Jam 12.00 Tengahari
2.	CADANGAN KERJA-KERJA MEROBOH GELANGGANG FUTSAL MBKT DI JALAN KOTA LAMA SERTA KERJA BERKAITAN, MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU (MBKT SH39/2025)	Kategori: B (BANGUNAN) Pengkhususan : B26 (KERJA MEROBOH)	(Hanya Penama dalam sijil PKK sahaja dibenarkan hadir dan daftar semasa sesi taklimat)		

- 1) Dokumen Tawaran boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- 2) **Taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan dan hanya penama-penama yang tercatat dan ditauliahkan seperti dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang akan dibenarkan hadir pada sesi taklimat dan sesi pendaftaran.**
- 3) Naskhah Dokumen Tawaran hanya akan dikeluarkan kepada syarikat / kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil syarikat/ kontraktor hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK), **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** Pusat Khidmat Kontraktor dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Tawaran.
- 4) Dokumen Tawaran akan dijual mulai pada hari **ISNIN, 21 APRIL 2025** hingga **ISNIN, 28 APRIL 2025** yang boleh dibuat secara Tunai/ Deraf Bank/Money Order yang dibuat atas nama :

" Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- 5) Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. Tender berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tawaran. **Majlis tidak bertanggungjawab terhadap tawaran yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos.**
- 6) Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran tertinggi ataupun mana-mana tawaran sekalipun.
- 7) Syarikat atau Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku tawaran tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaitarannya oleh pihak berkuasa berkaitan dan juga akan menanggung segala kos yang berkaitan.

t.t

(DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu